

**Canberra:** Seorang nelayan parah akibat libasan ekor ikan paus ketika malmalia laut itu melanggar bot dinaiki mangsa di Gold Coast Queensland, Australia berhampiran sempadan New South Wales.

Mirror UK melaporkan sejurus kejadian, lelaki berusia 40 tahun itu tidak sedarkan diri dan rakan mangsa yang turut berada

# Nelayan parah dilibas paus langgar bot

HM 20/8/24 pg 27

di atas bot serta beberapa penunggang jet ski berhampiran lokasi segera mendapatkan bantuan khidmat kecemasan.

Pasukan penyelamat membawa mangsa kembali ke pantai dan membawa nelayan cedera ke Hospital Universiti Gold



Coast.

Mangsa cedera di muka dan tulang belakang segera diberikan rawatan.

Perkhidmatan Kecemasan Queensland berkata, mangsa dalam keadaan stabil tetapi ingatan kabur.

Jurucakap Polis Queens-

land berkata, pihaknya menggesa semua bot sentiasa memakai jaket keselamatan.

“Nasib baik dia kekal di dalam botnya dan tidak terjatuh ke laut.

“Apa pun orang ramai digesa berjaga-jaga terutama jika memancing atau

menaiki bot semasa musim ikan paus berhijrah.

Semasa musim penghijrahan, paus Humpback dan paus Southern kerap melalui Sydney di sepanjang Pantai Timur Australia, menuju ke utara pada Jun dan Julai yang lebih sejuk. Paus berkenaan kembali ke selatan antara September dan November. -Agensi